

AKTIVITI SEKSYEN UNGGAS

Peranan seksyen unggas

Seksyen Unggas berperanan merancang dan melaksanakan projek-projek jabatan berkaitan penternakan dan pengeluaran unggas bagi memastikan industri unggas terus kekal dan berdaya maju. Seksyen Unggas juga bertanggungjawab memantau perjalanan industri dan sentiasa menjalin kerjasama dengan pengusaha dan agensi-agensi kerajaan berkaitan.

Projek Taman Kekal Pengeluaran Ayam (TKPA)

Projek Taman Kekal Pengeluaran Ayam (TKPA) dan Program Pengukuhan Industri Unggas (PPIU) merupakan dua projek utama di bawah Projek Pembangunan Seksyen Unggas. Projek pembangunan ini tertumpu kepada membangunkan kawasan pengeluaran kekal ternakan ayam dengan penyediaan infrastruktur asas (pelan rekabentuk, pelan lay out, penyediaan tapak, bekalan air, bekalan api, perparitan, pagar keliling, sistem kumbahan dan jalan ladang). Sehingga kini sebanyak 9 projek TKPA sedang dibangunkan iaitu di Kelantan (1projek), Terengganu (5 projek) dan Pahang (4 projek). PPIU pula lebih tertumpu kepada pengukuhan dari segi penyediaan kemudahan dan kelengkapan pembiakan, penetasan, pemeliharaan dan pemprosesan ternakan.

Program Bumi Hijau

Program Bumi Hijau adalah antara aktiviti yang dijalankan di Seksyen Unggas yang berkonsepkan menternak ayam atau itik bagi kegunaan sendiri sebagai memenuhi keperluan bahan makanan harian dan sumber pendapatan sampingan.

Penguatkuasaan Enakmen unggas

Enakmen unggas telah dikuatkuasa di negeri Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah, Melaka, Selangor dan Sarawak manakala negeri Kelantan, Perak dan Perlis walaupun telah mewartakan enakmen tersebut tetapi masih

belum dikuatkuasakan. Negeri Terengganu dan Sabah masih di dalam proses penyediaan enakmen. Bagi Pulau Pinang tiada enakmen unggas kerana tertakluk kepada bidang kuasa kerajaan tempatan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976.